

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 15 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 138,805 |
| Page No | 20 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 316 cm ² |
| Journalist | Zanariah Abd Mutalib | AdValue | RM 10,698 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,095 |



Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai

» Pelajar bakal ditempatkan di institusi lain ekoran penutupan univervisti

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my

► **Putrajaya**

Kementerian Pendidikan akan memastikan pelajar dan kakitangan Universiti Antarabangsa Al-Bukhary (AIU) di Alor Setar, Kedah ditempatkan di institusi pengajian lain, ekoran penutupan universiti berkenaan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pihaknya sudah pun menerima surat daripada AIU yang memaklumkan mengenai penutupan operasi universiti berkenaan.

Beliau berkata, penutupan universiti yang ditaja Yayasan Al-Bukhary itu dipercayai berikutan masalah dalaman, na-

mun Kementerian masih mengenali pasti punca sebenar masalah berkenaan.

"Kita sedang memantau dan memastikan kebajikan pelajar, pensyarah dan kakitangan lain AIU tidak diabaikan, selain hak mereka terjaga.

"Pelajar akan ditempatkan (di institusi pendidikan lain) mengikut kursus diambil supaya tidak tercicir dan jika (kursus yang diambil) tiada, mereka perlu membuat pilihan apakah kursus terbaik untuk mereka," katanya selepas Majlis Penyerahan Dana Pendidikan UiTM di sini, semalam.

Kementerian bincang tentukan langkah susulan

Sebelum ini, media melaporkan AIU akan ditutup ekoran masalah dalaman yang dihadapi institusi itu dan ia menimbulkan kebimbangan lebih 600 pelajarnya terdiri daripada dalam dan luar negara.


Idris berkata, pegawai Kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut dengan AIU untuk menentukan langkah susulan yang akan diambil.

Ditanya mengenai pengambilalihan bangunan dan infrastruktur AIU, Idris berkata perkara itu juga masih belum dipastikan.

AIU yang ditubuhkan pada 2010 menawarkan pengajian kepada golongan kurang ber-

kemampuan dari seluruh dunia dan kos pembelajaran serta tempat tinggal pelajar ditanggung Yayasan Al-Bukhary.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 15 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 138,805 |
| Page No | 20 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 316 cm ² |
| Journalist | Zanariah Abd Mutalib | AdValue | RM 10,698 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,095 |



Idris menerima replika cek daripada Pengerusi Yayasan Pendidikan Cheras (YPC), Datuk Wira Syed Ali Alhabshee Syed Abbas Alhabshee (kanan) pada **Majlis Penyerahan Dana Pendidikan UiTM** di Putrajaya, semalam. Turut hadir; Presiden Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Zaini Hassan (kiri). [FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]